

Headline **Pindaan AUKU bukan kosmetik**  
 Date **21. Aug 2008** Language **MALAY**  
 Media Title **Berita Harian** Page No **18**  
 Section **Nasional** Article Size **298** cm2  
 Circulation **217920** Frequency **Daily**  
 Readership **2083000** Color **Full Color**  
 AdValue **5272.61**



# Pindaan AUKU bukan kosmetik

Pelajar IPT tetap digalak aktif kegiatan sihat: Mohamed Khaled

Oleh Abdul Razak Raaff  
 raaffar@bharian.com.my

**P**UTRAJAYA: Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menafikan dakwaan pindaan Akta Universiti Kolej Universiti 1971 (AUKU) hanya sekadar kosmetik dan masih mengongkong kebebasan pelajar.

Beliau berkata, 61 daripada 165 fasal dalam akta itu dipinda bertujuan memperkasakan imej institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan menjadi lebih telus, berdaya maju dan tidak menyekat pembabitan pelajar dalam kegiatan yang membina.

"Tanggapan ia pindaan

kosmetik tidak benar dan ia hanya cakap-cakap orang yang suka mempolitikkan akta berkenaan. Pelajar masih diberi kebebasan menganjurkan pelbagai aktiviti dan program yang membawa kebaikan walaupun sebelum AUKU dipinda," katanya pada sidang media selepas pelancaran sambutan kempen kibar Jalur Gemilang peringkat Kementerian Pengajian Tinggi, di sini, semalam.

Pada majlis itu, beliau menyerahkan Jalur Gemilang kepada wakil lima IPT awam, termasuk Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) dan Universiti Ke-



SEMANGAT PATRIOTIK: Mohamed Khaled melancarkan Sambutan Kemerdekaan Ke-51 dan kempen mengibarkan Jalur Gemilang peringkat Kementerian Pengajian Tinggi di Putrajaya, semalam.

bangsaan Malaysia (UKM).

Kelmarin, kira-kira 100 pelajar IPT awam dan swasta yang dinamakan Gabungan Mahasiswa Mansuhkan AUKU (GMMA) berhimpun di luar Bangunan Parlimen, mendesak Kementerian Pengajian Tinggi memansuhkan AUKU.

Mohamed Khaled berkata, pindaan AUKU dibentangkan di Dewan Rakyat pada Julai lalu dan bacaan kali kedua atau sesi perbahasan berhubung pindaan bebera-

pa fasal dan peruntukan AUKU akan diadakan selewat-lewatnya minggu depan.

Selain itu, beliau berkata, bacaan pertama pindaan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) sudah dibentangkan di Dewan Rakyat kelmarin bagi menyusun semula akta itu berasaskan perubahan tanggungjawab dan kemajuan IPT swasta.

Katanya, kemajuan dan peranan IPT swasta semakin meningkat sejak beberapa tahun lalu apabila kemasukan pelajar menunjukkan pertambahan setiap tahun kepada 340,000 pelajar setakat ini, berbanding 360,000 pelajar IPT awam.

**FAKTA NOMBOR**

**61**  
**fasal**

AUKU dipinda untuk memperkasakan imej IPT tempatan